



Polisi Persekitaran, Keselamatan &  
Kesihatan Pekerjaan  
Universiti Teknologi Malaysia

Nama Polisi	:	Polisi Persekitaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Nombor Polisi	:	
Diluluskan Oleh	:	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
Tarikh Kuat kuasa	:	1 September 2020
Pautan Rasmi	:	<a href="https://registrar.utm.my/governan/polisi/">https://registrar.utm.my/governan/polisi/</a>

## SEKSYEN 1 : PENGENALAN

### 1.1 TUJUAN

Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diwujudkan sebagai komitmen UTM untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan menjaga kebajikan warganya sesuai dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

### 1.2 SKOP KUATKUASA PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini diguna pakai oleh semua warga UTM termasuk staf, pelajar, kontraktor, pembekal dan pelawat di UTM.

### 1.3 DASAR DAN POLISI BERKAITAN

Dasar Universiti Teknologi Malaysia

### 1.4 PRINSIP POLISI

Prinsip polisi ini adalah untuk melahirkan keadaan tempat kerja yang selamat dan sihat melalui sistem pengurusan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

### 1.5 DEFINISI

Perkataan/Istilah/singkatan	Definisi
Budaya kerja selamat dan sihat	Melaksanakan kerja mengikut prosedur kerja selamat (SOP) yang telah ditetapkan, bersifat proaktif dan mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing di tempat kerja.
Prosedur Kerja Selamat / Safe Operating Procedure (SOP)	Satu kaedah pentadbiran yang menyediakan panduan dan cara yang selamat untuk melakukan sesuatu kerja atau menggunakan alat tertentu dan mencegah dari perlakuan yang tidak selamat.

### 1.6 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)	Keseluruhan akta dan peraturan yang ditetapkan

<p>Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)</p>	<p>Keseluruhan akta dan peraturan yang ditetapkan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014</p> <p>Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009</p> <p>Bahagian IV, Seksyen 29A, Larangan Atas Pembakaran Terbuka</p> <p>Bahagian IVA, Kawalan Buangan Terjadual</p>
<p>Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)</p>	<p>Seksyen 12, Seksyen 17 (1), Seksyen 20 (1)</p> <p>Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010</p>
<p>Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678)</p>	<p>Peraturan Biokeselamatan (Kelulusan dan Pemberitahuan) 2010</p>
<p>Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) A1568 (Pindaan 2018)</p>	<p>Seksyen 2 dan Seksyen 3 (Jadual Ke-7)</p> <p>Sistem Kebakaran Aktif – Bahagian VIII; Jadual ke-10)</p>
<p>Uniform Building by Law (UBBL) Pindaan 2018</p>	<p>Seksyen 9, 10, 11, 12</p> <p>Bahagian IV – Pemasangan Berlesen dan Berdaftar</p> <p>Bahagian VII – Pemberitahuan Kemalangan atau Kebakaran</p>
<p>Akta Racun 1952 (Akta 336)</p>	
<p>Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)</p>	<p>Peraturan-peraturan Elektrik 1994</p>
<p>Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302)</p>	<p>Bahagian VI – Pengendalian dan Penstoran Petroleum</p>

## **SEKSYEN 2 : PERNYATAAN POLISI**

Universiti Teknologi Malaysia hendaklah memastikan, pernyataan polisi ini dipatuhi merangkumi:

- 2.1 Mewujudkan sistem proaktif yang dapat menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pencegahan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan, dan kesihatan, mengurangkan *hazard* dan risiko kepada pekerja, pelajar dan orang awam.
- 2.2 Perlindungan alam sekitar termasuk pencegahan pencemaran dan pemuliharaan sumber.
- 2.3 Meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan secara berterusan dengan menetapkan kerangka objektif dan program keselamatan dan kesihatan serta persekitaran.
- 2.4 Komited untuk mematuhi semua undang-undang Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar serta keperluan perundangan lain.
- 2.5 Menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja, pelajar, dan pihak berkepentingan yang lain.
- 2.6 Menyediakan mekanisme untuk perundingan dan keterlibatan pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 2.7 Memupuk budaya kerja yang selamat sebagai amalan di Universiti Teknologi Malaysia dengan berpandukan pemahaman, tanggungjawab dan peraturan diri.
- 2.8 Menanamkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja mengenai pentingnya menguruskan keselamatan dan kesihatan mereka.
- 2.9 Memberi latihan keselamatan kesihatan pekerjaan untuk meningkatkan kesedaran pekerja mengenai kesan dan risiko yang datang dari aktiviti, produk dan perkhidmatan di tempat kerja.

## SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI

### 3.1 PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN

Semua PTJ (Jabatan, Fakulti, pejabat, asrama, premis perniagaan) bertanggungjawab untuk mematuhi polisi yang telah ditetapkan.

## SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

### 4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

<b>Pemilik dan Penguatkuasa Polisi</b>	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Timbalan Naib Canselor Pembangunan.
<b>Pengurus Dokumen Polisi</b>	Ketua Seksyen Governan

### 4.2 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

<b>Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Audit tahunan dan pemeriksaan tempat kerja oleh Pejabat OSHE ke semua PTJ di UTM.</li><li>- Menyemak Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan apabila perlu.</li></ul>
<b>Penyiaran / Hebahan Polisi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Laman web OSHE UTM</li><li>- Email pemakluman kepada <i>all-staffs</i></li></ul>

### 4.3 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1	15 Mac 2007	Naib Canselor	-
1	17 November 2008	Naib Canselor	1
1	2 September 2013	Naib Canselor	2
1	19 Oktober 2016	Naib Canselor	3
1	24 Januari 2018	Naib Canselor	4
2	1 September 2020	Jawatankuasa Pengurusan Universiti	-